

BANK SOALAN KBAT

(Unit 1 - Unit 3)

1. Jumlah murid SK Kampung Gajah ialah 1 240 orang. Bilangan murid lelaki ialah 350 orang lebih daripada bilangan murid perempuan. Hitung
 - (a) bilangan murid perempuan,
 - (b) bilangan murid lelaki.



2. Penerbit TP telah menjual 975 600 naskhah buku rujukan dalam 4 tahun. Diberi kuantiti buku rujukan yang dijual pada setiap tahun adalah 2 kali daripada kuantiti yang dijual pada tahun sebelumnya, hitung kuantiti buku rujukan yang dijual pada tahun pertama.



3. Daim mencampurkan bahan kimia ke dalam air untuk menjalankan eksperimen. Isi padu air adalah 450% daripada isi padu bahan kimia. Diberi jumlah isi padu larutan itu ialah 1 925 ml, cari isi padu air yang digunakan oleh Daim.









4. Tan mempunyai $6\frac{2}{3}$ paket guli. Dia memberikan $\frac{3}{5}$ daripada jumlah guli kepada Fakrul dan $\frac{3}{4}$ daripada baki guli kepada Kumar. Diberi setiap paket mempunyai 390 biji guli, hitung bilangan guli yang Tan masih ada.



5. Wang Ikram adalah 7 kali wang Haikal. Ikram memberi RM192 kepada Haikal supaya mereka mempunyai nilai wang yang sama. Wang Muthu adalah RM30 lebih daripada wang Haikal. Wang Muthu adalah RM94. Buktikan.

6. Rajah di bawah menunjukkan harga yang dibayar oleh Fauzi dan Chong untuk membeli buku rujukan Matematik dan air tin yang sama.

Fauzi			Chong			
			RM93		 	RM51

Hitung harga sebuah buku rujukan Matematik.